

# Guna bahasa lain undang isyarat salah

**KUANTAN:** Kewujudan portal bahasa Mandarin oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tidak menjurus kepada objektif portal sebaliknya menyumbang kepada pelanggaran Perlembagaan Persekutuan.

Mengulas berhubung perkara itu, Dekan Kanan Kolej Pengurusan dan Kemanusiaan Universiti Malaysia Pahang (UMP), Profesor Madya Dr. Hasan Ahmad, berkata, tindakan itu juga memberi isyarat salah kepada pembentukan jati diri warganegara.

"Banyak saluran boleh digunakan dalam memberi kefahaman kepada etnik Tionghua telah sedia ada seperti akhbar dan sebagainya.

"Isu rasuah bukanlah terlalu kronik untuk difahami tetapi sukar untuk diamalkan," katanya kepada *Utusan Malaysia* semalam.

SPRM baru-baru ini melancarkan portal bahasa Mandarin bagi memenuhi keperluan masyarakat Cina mendapatkan maklumat tentang pencegahan rasuah dan perkara berkaitan suruhanjaya tersebut.

Ditanya sama ada wajar atau tidak tindakan SPM, Dr. Hasan menjelaskan, isu kewajaran memang subjektif kerana dalam konteks umum, banyak faktor yang boleh diambil kira tentang

penggunaan selain daripada bahasa kebangsaan.

Namun beliau berkata, penggunaan dalam portal rasmi kerajaan tidak wajar kerana bahasa kebangsaan adalah alat utama dalam pembinaan negara bangsa.

"Jika bahasa Mandarin digunakan dalam portal rasmi kerajaan bagaimana pula dengan bahasa-bahasa lain? Adakah pada akhirnya semua bahasa boleh digunakan dalam urusan rasmi yang lain? Kesan langsung yang jelas ia membawa kepada pengabaian atau peminggiran bahasa kebangsaan," jelasnya.

Hasan menjelaskan, tindakan sedemikian juga secara tidak langsung boleh mengelakkan kaum Tionghua daripada membaca kandungan dalam bahasa Melayu kerana semakin selesa dengan bahasa ibunda masing-masing.

"Namun ini bukan isu melemahkan kaum tertentu untuk memahami dan menguasai bahasa kebangsaan kerana ia bukan berkaitan dengan pembelajaran bahasa tetapi adalah bertujuan memberi kesedaran tentang rasuah.

"Maklumat dalam bahasa lain boleh digunakan dalam mana-mana medium umum yang sedia ada seperti televisyen, forum, seminar, buku dan sebagainya," katanya.